

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIIH**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 28 JULAI 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 24**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1542-L30092  
**Ir. Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kategori projek pembinaan yang dikecualikan daripada dikenakan cukai SST. Apakah langkah Kementerian dalam memastikan projek-projek sedia ada tidak terkesan dengan pengenaan cukai SST ini. Apakah Kerajaan Madani akan memberi tempoh tangguh atau *grace period* sebelum mengenakan cukai SST ke atas sektor pembinaan.
2. PR-1542-L29428  
**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah dasar semasa Kementerian berhubung kebebasan warga asing membuka perniagaan di Malaysia, khususnya dalam sektor peruncitan serta apakah tindakan terhadap premis yang didaftarkan atas nama warganegara tetapi dikendalikan sepenuhnya oleh warga asing termasuk kes melibatkan penggunaan nama isteri warganegara.
3. PR-1542-L30513  
**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk memperhebat penganjuran acara sukan Muay Thai di Malaysia bagi menarik lebih ramai penyertaan anak muda serta adakah Kementerian akan bekerjasama dengan World Boxing Council (WBC) untuk terus memartabatkan sukan ini.
4. PR-1542-L29548  
**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :
  - (a) perincian jumlah tanah milikan Kerajaan Persekutuan yang diceroboh di seluruh negara dan khusus di Pulau Pinang; dan

- (b) apakah tindakan kepada pihak penceroboh dan adakah terdapat rancangan pembangunan tanah milikan Kerajaan Persekutuan.

5. PR-1542-L30631

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah keseluruhan jalan raya di Malaysia yang menggunakan teknologi Asfalt Terubahsuai Getah Bekuan (CMA) dan adakah ianya lebih efisien dari segi kos dan keselamatan berbanding kaedah sedia ada.

6. PR-1542-L30142

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kerajaan dalam menjalin kerjasama strategik dengan Kerajaan Thailand bagi mempermudah laluan keluar masuk barangan melalui pintu masuk Durian Burung, khususnya bagi membolehkan pelabur di Kedah Rubber City (KRC) menggunakan Pelabuhan Songkhla sebagai hub eksport yang lebih efisien.

7. PR-1542-L30128

**Tuan Haji Manndzri bin Haji Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu pencemaran bau dan air yang seringkali berlaku diakibatkan dari tapak pelupusan sampah yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga mengakibatkan tapak pelupusan sampah itu terpaksa menampung kapasiti sampah yang berlebihan daripada sepatutnya.

8. PR-1542-L29944

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap langkah beberapa Kerajaan negeri yang menghentikan pengeluaran lesen perniagaan rokok elektronik dan vape dalam negeri masing-masing.

9. PR-1542-L30103

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian akan memperkenalkan satu rangka kerja kebangsaan yang menyeluruh untuk menangani penderaan haiwan terbiar; dan

- (b) adakah Kementerian akan bekerjasama dengan NGO, pihak berkuasa tempatan dan pakar kebajikan haiwan untuk melaksanakan pendekatan yang bersepadu dan komprehensif.

10. PR-1542-L29892

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keputusan punca letupan paip gas Petronas di Putra Heights yang lalu dan apakah jaminan Kerajaan bahawa kawasan dan sistem paip gas Malaysia masih lagi selamat.

11. PR-1542-L30485

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian pelan penstrukturan semula peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan luar bandar di Sabah khususnya laluan berisiko tinggi yang seringkali berlakunya kemalangan maut dan sejauh mana sistem audit keselamatan jalan (*road safety audit*) telah dimandatkan sebagai prasyarat semua projek infrastruktur luar bandar di negeri ini.

12. PR-1542-L29602

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) strategi menangani isu kesedaran pengesanan lewat penyakit diabetes termasuk pendekatan pengesanan awal di peringkat komuniti; dan
- (b) langkah intervensi bagi memastikan populasi berisiko mendapat akses saringan awal secara sistematik memandangkan prevalens diabetes semakin membimbangkan di beberapa negeri.

13. PR-1542-L29227

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan tahap kesungguhan Kementerian dalam mengoptimumkan keupayaan industri semikonduktor negara supaya mampu menjadi kuasa teknologi serta memanfaatkan dan memantapkan lagi penggunaannya dalam pelbagai industri lain yang berkaitan seperti di sektor pertanian dan automotif.

14. PR-1542-L29828

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamuddin [ Alor Setar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana Kementerian merancang memanfaatkan Pusat e-Sukan KL Sports City yang dijangka siap 2026 untuk memupuk bakat muda, menggalakkan penyertaan golongan belia dalam sukan elektronik serta menyokong program latihan untuk atlet e-sukan negara.

15. PR-1542-L29474

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil Kementerian untuk membantu rakyat Malaysia yang tidak mempunyai atau berhadapan kekurangan perlindungan insurans untuk mendapatkan perlindungan yang memadai terutamanya dalam berhadapan dengan inflasi kos perubatan.

16. PR-1542-L29591

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal dasar latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) secara besar-besaran bagi pekerja yang berisiko kehilangan pekerjaan akibat kemajuan teknologi kecerdasan buatan (AI) serta apakah perincian perancangan tersebut daripada segi pelaksanaan dan pembiayaan.

17. PR-1542-L29509

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan dan komuniti yang telah dibangunkan atau dinaik taraf bagi menyokong konsep *ageing in place* dari tahun 2018 hingga kini serta apakah kriteria yang digunakan untuk menilai kesesuaiannya kepada warga emas.

18. PR-1542-L29490

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah tuntas Kementerian terhadap kecelaruan di dalam sistem pengurusan pertanian negara apabila berlakunya ketidakseimbangan maklumat berkaitan penggunaan data penawaran dan permintaan, isu lambakan sayur-sayuran dan buah-buahan import serta kekurangan benih ikan air tawar sehingga mampu menjejaskan dasar keterjaminan negara.

19. PR-1542-L29413  
**Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status Projek Cadangan Menaik Taraf dan Melebar Jalan Muar-Batu Pahat yang dapat membantu melancarkan perjalanan kepada pengguna dan jumlah kos yang terlibat bagi melaksanakan projek ini.
20. PR-1542-L29357  
**Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :
- (a) implikasi secara keseluruhan dan komitmen global mitigasi iklim akibat tindakan penarikan diri Amerika Syarikat daripada Perjanjian Paris; dan
  - (b) bagaimanakah Malaysia akan menyesuaikan dasar dan pelaksanaan RUU Perubahan Iklim negara dalam konteks ketidaktentuan geopolitik ini.
21. PR-1542-L29983  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimana Kementerian akan memastikan jaringan keselamatan sosial untuk pekerja *gig* dan pekerja yang dikelaskan di bawah *informal economy*.
22. PR-1542-L30521  
**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah jaminan Kementerian bahawa pelaksanaan tong gas LPG ungu di bawah mekanisme subsidi bersasar tidak akan menyebabkan kenaikan kos operasi, melonjakkan harga barang serta membebankan pengguna luar bandar yang akan terkesan dengan isu rantai bekalan, kos logistik yang tinggi dan ketidakseimbangan akses pasaran.
23. PR-1542-L30609  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pendirian Kementerian berhubung perlombongan unsur nadir bumi di Malaysia dan apakah hasil dapatan kajian yang mendorong keputusan Kementerian untuk menggalakkan aktiviti perlombongan nadir bumi serta bagaimana Kementerian mengimbangkan kekhuatiran orang ramai dari segi risiko pencemaran, kelembapan teknologi, keselamatan sumber air dan kesihatan demi kepentingan awam.

24. PR-1542-L29952  
**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perincian perbelanjaan RM1 bilion yang diumumkan bagi projek pembangunan infrastruktur di Kedah, termasuk jumlah peruntukan bagi pengairan tersier (15 blok sistem), pemulihan Empangan Pedu, sokongan benih, baja serta insentif RM200 juta setahun untuk pesawah dan sejauh mana telah disalurkan.
25. PR-1542-L29395  
**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian telah memuktamadkan negara pengimport alternatif dengan mutu penghasilan beras berkualiti tinggi sebagai 'Pelan B' bagi mengekalkan kelangsungan bekalan beras import untuk pasaran tempatan rentetan daripada kemelut geopolitik India-Pakistan yang merupakan antara 2 negara pengeksport beras signifikan ke Malaysia.
26. PR-1542-L29336  
**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah halangan-halangan pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya Malaysia memandangkan permukaan jalan raya tidak rata. Apakah teknologi terkini bagi memastikan jalan raya lebih berdaya tahan.
27. PR-1542-L30324  
**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi menambah bilangan pusat latihan kemahiran (TVET) di kawasan luar bandar seperti Julau supaya golongan belia tempatan tidak perlu berhijrah jauh semata-mata untuk mendapatkan latihan dan kemahiran pekerjaan.
28. PR-1542-L29273  
**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kementerian dalam mengatasi isu 620,000 pekerjaan yang berisiko tinggi digantikan dengan automasi dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.
29. PR-1542-L30644  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kementerian bagi membantu nelayan kecil yang terkesan dengan perubahan iklim serta yang masih menunggu untuk mendapatkan lesen bagi bot kecil.

30. PR-1542-L29710

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) adakah Institut Jantung Negara (IJN) masih mempunyai Tabung Kebajikan untuk membantu pesakit-pesakit miskin kerana difahamkan tabung itu sudah dimansuhkan pada masa kini; dan
- (b) kenapa Kerajaan tidak lagi membiayai pesara-pesara Kerajaan untuk mendapatkan rawatan di IJN.

31. PR-1542-L29658

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan nisbah semasa pegawai perubatan, pakar perubatan, jururawat, pembantu perubatan, pegawai farmasi dan pegawai pergigian bagi pesakit berbanding keperluan sebenar mengikut negeri-negeri di Malaysia:

- (a) daripada jumlah tersebut berapakah daripada mereka dalam kategori tetap dan kontrak (nyatakan dalam bentuk pecahan); dan
- (b) perincian jumlah perjawatan yang perlu diisi bagi seluruh negara.

32. PR-1542-L29224

**Datuk Matbali bin Musah [ Sipitang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah bilangan pegawai yang menyelia sistem pendaftaran persatuan dan kelab melalui eRoy di negeri Sabah memandangkan ketika ini terdapat seorang sahaja pegawai yang ditugaskan untuk mengendalikan urusan eRoy bagi seluruh negeri yang menyebabkan kesukaran dalam proses pendaftaran dan pentadbiran kelab.

33. PR-1542-L29331

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah penyelesaian yang sedang diambil oleh MARA untuk menempatkan semula pelajar-pelajar tajaan A-Level yang terkesan akibat keputusan tidak lagi menghantar mereka menyambung pengajian ke Amerika Syarikat.

34. PR-1542-L29215

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai hospital-hospital swasta baru yang telah mula beroperasi pada tahun 2023 dan 2024 dengan memberi bilangan doktor pakar yang bekerja di hospital-hospital tersebut.

35. PR-1542-L29407

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah strategik di bawah RMK13 bagi meningkatkan pendapatan nelayan termasuk peruntukan, sasaran penerima dan keberkesanan pelaksanaan khususnya di Mersing yang berdepan hasil tidak menentu, kos tinggi dan kekangan pasaran.

36. PR-1542-L29371

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status projek naik taraf jalan Kg. Perancangan - Kg. Nalumad - Kg. Lakang, Ranau dan juga status pembinaan jalan Kg. Rumantai - Kg. Miruru - Kg. Mentapok dan Kg. Mangkadait. Permohonan bagi kedua jalan ini telah lama diketahui oleh pihak Kementerian melalui surat rujukan KPLB.MPLB 200-1/1/1 JLD10(151) bertarikh 8 Julai 2022.

37. PR-1542-L29409

**Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status pewartaan kawasan tanah industri di Kuala Kangsar yang boleh dimajukan dengan sokongan infrastruktur seperti Lebuhraya West Ipoh Span Expressway (WISE) dan sejauh manakah Kementerian telah mempertimbang untuk mewujudkan zon perindustrian baharu di Kuala Kangsar.

38. PR-1542-L30267

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bentuk bantuan dan penyelesaian yang dicadangkan dan dilaksanakan untuk masalah kesesakan teruk jalan raya di dalam Parlimen Hulu Langat iaitu di hadapan Pusat Kesihatan Beranang dari 3 lorong kepada 1 lorong dan jalan mulai simpang Batu 14 Hulu Langat hingga Batu 9 Cheras.

39. PR-1542-L29559

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh pihak Kementerian sebagai Kepengerusian ASEAN pada tahun ini dalam isu pencerobohan nelayan asing terutamanya nelayan Vietnam ke perairan negara; dan
- (b) jumlah kerugian yang dialami oleh negara akibat pelanggaran nelayan asing ini.

40. PR-1542-L29758

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan secara terperinci terhadap insiden di mana penguatkuasaan penggunaan gas LPG bersubsidi oleh kedai makan yang menimbulkan pelbagai persepsi pada Mei 2025 dan tindakan segera yang telah diambil oleh Kementerian yang berjaya meredakan keadaan. Apakah pendirian terkini Kementerian terhadap penggunaan gas LPG bersubsidi oleh kedai makan.

41. PR-1542-L29380

**Tuan Haji Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan selanjutnya Kementerian terhadap syarikat yang berulang kali mencemarkan sungai tetapi masih bebas beroperasi tanpa tindakan tegas.

42. PR-1542-L29557

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagi tempoh 2024:

- (a) berapakah kadar pengeluaran kelapa bagi pasaran tempatan dan pasaran luar negara; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam meningkatkan pengeluaran kelapa khususnya bagi memenuhi permintaan santan segar di pasaran tempatan.

43. PR-1542-L30220

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pihak Kementerian mempunyai tindakan mewajibkan kontraktor penyelenggaraan jalan untuk mematuhi KPI bertindak mengikut aduan yang diterima dan apakah terdapat KPI penamatan kontrak yang ditetapkan bagi kontraktor penyelenggaraan yang gagal menyelesaikan masalah mengikut aduan secara berkala yang dikemukakan oleh pengguna jalan raya.

44. PR-1542-L29769

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kementerian sudah mempunyai hala tuju dan pengiktirafan terhadap Carbon Dioxide Removal (CDR) sebagai salah satu vektor dalam menuju *net zero carbon emission* menjelang tahun 2050.

45. PR-1542-L30031

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk mewujudkan Program Perumahan Rakyat ataupun Rumah Mesra Rakyat di Parlimen Beaufort memandangkan perobohan Kampung Jempangah Beaufort telah menyebabkan lebih 200 isi rumah hilang tempat tinggal.

46. PR-1542-L29807

**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah kawal selia dan pemantauan yang diambil bagi menangani isu vape mengandungi dadah yang kian menular dan mengancam keselamatan awam terutama golongan belia pada waktu ini.

47. PR-1542-L29772

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek jalan kampung, bekalan air luar bandar dan elektrifikasi luar bandar yang sedang dilaksanakan di Sabah sejak tahun 2022 serta langkah untuk memastikan peruntukan itu tidak tertumpu hanya kepada kawasan tertentu.

48. PR-1542-L30569

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan terhadap monopoli rantai pengedaran barang keperluan asas seperti gula, telur dan minyak masak yang menyebabkan harga tidak menurun walau subsidi diberikan.

49. PR-1542-L29671

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha Kementerian dalam mengawal kenaikan harga barangan makanan dan bahan mentah di pasaran yang menyebabkan kos perbelanjaan kehidupan harian rakyat di negara ini yang semakin meningkat dan membebankan pada masa ini.

50. PR-1542-L30584

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan impak pelaksanaan program pembangunan luar bandar di Baling setakat separuh tahun 2025 termasuk kemajuan projek jalan kampung, naik taraf bekalan air bersih dan akses jalur lebar di kawasan pedalaman serta prestasi syarikat tempatan yang dilantik bagi tujuan pelaksanaan.

51. PR-1542-L30602

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan yang diambil terhadap MARDI berhubung pelepasan kira-kira 2,000 kilogram ikan keli Afrika ke dalam Tasik MAEPS tanpa kebenaran Jabatan Perikanan Malaysia serta apakah peraturan yang akan dikuatkuasakan bagi mengawal dan menghalang aktiviti pelepasan spesies asing ke dalam perairan awam.

52. PR-1542-L29733

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat perancangan membina Hospital Gerik yang baharu atau menaiktaraf kelengkapannya kepada yang lebih moden, wad kecemasan, bilik bedah dan klinik pakar memandangkan Hospital Gerik sering menerima mangsa kemalangan JRTB, Tentera Rejimen Sempadan dan Pelancong.

53. PR-1542-L29477

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai projek jalan raya yang sedang dan akan dilaksanakan di Temerloh termasuk status kemajuan dan tarikh siap yang disasarkan sejak tahun 2022 sehingga 2025.

54. PR-1542-L30779

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan saluran aduan rasmi yang disediakan oleh Kementerian sekiranya orang awam tidak puas hati dengan kualiti dan caj perubatan yang tidak munasabah di klinik swasta dan hospital swasta. Apakah punca kuasa Kementerian untuk mengambil tindakan ke atas kualiti dan caj perubatan swasta yang melampau.

55. PR-1542-L30180

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan pembinaan longkang tertutup oleh pemaju perumahan dan kontraktor bangunan yang lebih mesra alam serta usaha bagi menangani banjir kilat memandangkan segelintir orang gemar membuang sampah ke dalam longkang terbuka menyebabkan longkang tersumbat dan terjadi banjir kilat pada musim hujan.

56. PR-1542-L30271

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melaksanakan model penyelenggaraan jangka panjang seperti konsesi 30 tahun bagi Pan Borneo Sarawak dan jaminan ia tidak membebankan kewangan awam dan tidak mengulangi kelemahan model PLUS.

57. PR-1542-L29535

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada permohonan Kerajaan Pulau Pinang bagi mewujudkan pelabuhan tuna diluluskan dibawah RMK13. Sekiranya tidak, nyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk meningkatkan infrastruktur sedia ada di Pelabuhan Pulau Pinang bagi menampung keperluan permintaan industri berkaitan yang dilihat penting kepada negara.

58. PR-1542-L30557

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mekanisme Kementerian bagi menyegerakan kerja-kerja baik pulih Jalan FT36 (Seksyen 89) Aring 8, Gua Musang ke Tasik Kenyir-Kuala Jeneris yang terputus pada November 2024 dan tidak dapat dilalui oleh semua kenderaan hingga sekarang.

59. PR-1542-L30484

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lepar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapat usaha untuk menyelenggara dan menambah baik kemudahan, gelanggang serta fasiliti sukan di kawasan Parlimen Batang Lepar termasuk bekerjasama dengan komuniti dan pihak berkuasa tempatan.

60. PR-1542-L30346

**Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status semasa perbincangan berhubung tapak lokasi hospital baharu di Seremban yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sembilan dan disyorkan kepada pihak Kementerian.

61. PR-1542-L30645

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan dalam memperbaiki persekitaran perumahan agar dapat meningkatkan indeks kegembiraan negara serta menangani isu kesihatan mental rakyat Malaysia yang semakin membimbangkan selari dengan keutamaan kesejahteraan negara dan meningkatkan kesihatan mental rakyat.

62. PR-1542-L30204

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk memansuhkan tol di Lebuhraya Karak bagi membolehkan rakyat Pantai Timur menikmati kos pengangkutan yang lebih murah dalam perjalanan antara Pantai Timur dan Pantai Barat.

63. PR-1542-L30079

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pendekatan paling berkesan oleh Kementerian dengan kerjasama komuniti dan keluarga menangani punca peningkatan golongan remaja terlibat dengan gejala sosial dan jenayah bagi memastikan pembangunan generasi masa depan negara yang produktif.

64. PR-1542-L30661

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) berapa banyak projek bernilai di bawah RM50 juta telah dilaksanakan secara langsung oleh Kerajaan negeri pada tahun 2024; dan
- (b) adakah Kementerian merancang untuk meningkatkan had 50 juta ringgit ini ke satu angka yang lebih tinggi supaya projek infrastruktur di Sabah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

65. PR-1542-L30071

**Tan Sri Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan dasar Malaysia untuk melindungi ekonomi rakyat khususnya golongan marhaen dalam situasi tarif tinggi dari Amerika Syarikat dan sejauh manakah keberkesanan strategi memperkukuh perdagangan antara negara-negara ASEAN untuk menyerap kesan negatif tersebut.

66. PR-1542-L30129

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan strategi jangka sederhana dan panjang untuk mempercepat pembangunan keupayaan hulu dan hiliran dalam industri unsur nadir bumi (REE) khususnya dalam pemprosesan lanjutan dan penghasilan produk bernilai tinggi agar Malaysia tidak terus bergantung kepada eksport mentah dan kekal relevan dalam ekonomi teknologi hijau global.

67. PR-1542-L29241

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan takrifan ataupun justifikasi untuk menentukan perbezaan di antara pengusaha dan peneroka haram di tanah kegunaan awam.

68. PR-1542-L29287

**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendekatan Kementerian bagi merangsang pelaburan swasta yang dijangka menurun akibat ketidaktentuan perdagangan global.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- \* Rang Undang-Undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025.

2. **Menteri Pendidikan**

- \* Rang Undang-Undang Pendidikan (Pindaan) 2025

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |    |                 |                                                                    |                               |
|----|-----------------|--------------------------------------------------------------------|-------------------------------|
| 1. | ( D.R.19/2025 ) | Rang Undang-Undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025.    | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kerja Raya ]</b>                                      |                               |
| 2. | ( D.R.17/2025 ) | Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2025.                           | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kesihatan ]</b>                                       |                               |
| 3. | ( D.R.16/2025 ) | Rang Undang-Undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025. | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>                                    |                               |
| 4. | ( D.R.18/2025 ) | Rang Undang-Undang Perikanan (Pindaan) 2025.                       | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]</b>              |                               |
| 5. | ( D.R.7/2025 )  | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025.              | “                             |
|    |                 | <b>[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]</b>            |                               |
| 6. | ( D.R.6/2025 )  | Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025.                | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]</b>           |                               |
| 7. | ( D.R.19/2024 ) | Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024.        | “                             |
|    |                 | <b>[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]</b>                      |                               |

8. PR-1542-U(27)407

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan syarikat pemula di bawah program sokongan (*incubator*) yang mengutamakan golongan wanita, khususnya ibu tunggal, suri rumah dan graduan. Ini adalah inisiatif penting untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi, terutamanya bagi mereka yang berdepan dengan cabaran hidup yang lebih besar.

Menurut Bancian 2020, Malaysia mempunyai sekitar 1 juta ibu tunggal yang menyumbang sebanyak 8.3% daripada jumlah isi rumah negara. Selain itu, laporan terkini dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) juga mendedahkan bahawa terdapat lebih daripada 43% dari 7.15 juta luar tenaga buruh dicatatkan bagi tempoh sehingga Januari 2025 merangkumi mereka yang berkait dengan kerja rumah/tanggungjawab keluarga atau suri rumah.

Golongan ini sering kali bergelut dengan ketidaktentuan kewangan di mana ketiadaan pendapatan tetap menyebabkan mereka berisiko lebih tinggi dalam menghadapi tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat. Oleh itu, memberikan mereka peluang untuk terlibat dalam perniagaan adalah langkah yang tepat untuk memperbaiki ekonomi keluarga dan mengurangkan jurang ketidaksamaan.

Selain itu, penting bagi golongan ini didedahkan dengan kepenggunaan digital dan perniagaan atas talian, terutamanya dengan perkembangan pesat ekonomi digital. Memberikan panduan yang rasional dan program latihan dalam bidang teknologi dan pemasaran digital akan membantu mereka membina perniagaan yang lebih mampan dan berdaya saing.

Adalah menjadi harapan agar peluang ini bukan sahaja akan meningkatkan pendapatan isi rumah tetapi juga memperkukuh ekonomi negara secara keseluruhannya."

**[ Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi ]**

9. PR-1542-U(27)410

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan:

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menggubal dasar pencegahan HIV yang lebih menyeluruh dan berfokus khususnya bagi menangani peningkatan kes jangkitan HIV dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi dan belia.

Data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menunjukkan bahawa antara tahun 1986 hingga 2023, sebanyak 135,035 kes HIV telah direkodkan, dengan 54,365 daripadanya berpunca daripada penularan seksual. Individu berumur 20 hingga 29 tahun menyumbang 44% daripada kes baharu menjadikannya kumpulan tertinggi yang terkesan, diikuti oleh kumpulan umur 30 hingga 39 tahun (31%) dan remaja sekolah berumur 13 hingga 19 tahun (4%). Lebih membimbangkan, 62% daripada jangkitan baharu berlaku dalam kalangan individu homoseksual dan biseksual, manakala 33% melibatkan hubungan heteroseksual.

Situasi ini menuntut pendekatan yang lebih bersepadu dan berasaskan komuniti termasuk peningkatan pendidikan kesihatan seksual, akses mudah dan sulit kepada ujian HIV serta sokongan psikososial yang menyeluruh di institusi pendidikan.

Kerajaan juga digesa untuk merangka satu Pelan Tindakan Nasional HIV bagi belia dengan kerjasama pelbagai Kementerian, NGO dan pihak universiti serta memperkenalkan intervensi bersasar di kampus bagi mengekang penularan jangkitan dan mengurangkan stigma terhadap isu ini. "

#### **[ Menteri Kesihatan ]**

#### **10. PR-1542-U(27)411**

**Dato' Indera Mohd Sharar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk dasar dan polisi yang jelas untuk mewujudkan badan pengurusan rantai bekalan negara yang cekap dan profesional. Pengurusan ini mestilah merangkumi pengurusan inventori, pengangkutan, pergudangan dan pelaksanaan penghantaran serta pengurusan maklumat dan aliran kewangan yang berkaitan.

Kajian dari Universiti Malaya menunjukkan tekanan Malaysia Supply Chain Index (MSCI) terus menunjukkan angka peningkatan seiring dengan tanda aras dunia iaitu Global Supply Chain Pressure Index (GSCPI) oleh Federal Reserve Bank of New York. Perlu diketahui, pengurusan rantai bekalan yang stabil akan mewujudkan kawalan pasaran global dan domestik yang terkawal walaupun diberi kejutan ekonomi. Maka, menjadi satu keperluan untuk negara mengutamakan badan yang mempunyai akreditasi bertaraf antarabangsa yang aktif dalam menguruskan risiko ini.

Adalah menjadi harapan dengan adanya badan khas bertaraf dunia ini akan memantau kecukupan pengurusan rantai bekalan agar Malaysia kekal berkembang dari sudut eksport dan import negara serta seterusnya meningkatkan kembali dagangan dan mengawal imbang inflasi domestik bagi keperluan pengguna khususnya rakyat Malaysia. "

#### **[ Menteri Pengangkutan ]**

## 11. PR-1542-U(27)412

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menyemak semula dasar pengambilan dan pembangunan bakat dalam sektor awam dan institusi strategik negara bagi memastikan graduan dalam bidang hubungan antarabangsa diberi keutamaan yang sewajarnya dalam kerjaya berkaitan diplomasi, keselamatan serantau dan dasar luar negara.

Malaysia kini berdepan dengan landskap geopolitik yang kian mencabar melibatkan ketegangan kuasa besar, pertikaian maritim dan pelbagai bentuk ancaman bukan tradisional. Dalam keadaan ini, keperluan terhadap tenaga kerja mahir dalam bidang hubungan antarabangsa adalah amat kritikal.

Namun, trend semasa menunjukkan ramai graduan cemerlang dalam bidang ini tidak memperoleh peluang kerjaya selaras dengan kepakaran mereka. Malah, ramai yang menyertai sektor yang tidak berkaitan atau berhijrah ke luar negara, sedangkan banyak jawatan strategik dalam perkhidmatan awam diisi oleh individu dari latar belakang bukan berkaitan seperti kejuruteraan, matematik atau seni bina.

Situasi ini menandakan kegagalan struktur dalam mengiktiraf bidang hubungan antarabangsa sebagai komponen penting dalam kekuatan dasar luar dan keselamatan negara. Kerajaan perlu mempertimbangkan mekanisme pengambilan berasaskan kepakaran, pengkhususan laluan kerjaya dan insentif khas untuk memastikan bakat dalam bidang ini dibangunkan dan dikekalkan di dalam negara.

Langkah ini penting untuk membina barisan pemimpin dan pegawai yang mampu menghadapi cabaran diplomatik masa depan serta mengangkat martabat Malaysia di pentas antarabangsa."

**[ Menteri Luar Negeri ]**

## 12. PR-1542-U(27)413

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkukuh usaha pemeliharaan dan keselamatan hidupan liar negara susulan peningkatan kes kemalangan dan kehilangan nyawa melibatkan spesies terancam seperti gajah dan harimau terutamanya di kawasan berisiko tinggi yang bersilang dengan pembangunan jalan raya dan kawasan penempatan.

Insiden kematian seekor anak gajah akibat dilanggar lori di Lebuhraya Timur-Barat pada Mei 2025 serta kelakuan ibu gajah yang setia menunggu bangkai anaknya telah mencetuskan kesedaran nasional tentang penderitaan satwa liar akibat ketidakseimbangan pembangunan. Sehingga kini, lebih 2,000 kes kematian hidupan liar direkodkan akibat pelanggaran kenderaan sejak 2020 termasuk spesies ikonik seperti harimau Malaya.

Kerajaan digesa untuk mempercepat pembinaan laluan lintasan hidupan liar (*wildlife crossings*) di kawasan kritikal, meningkatkan rondaan dan penguatkuasaan trafik di zon habitat aktif dan memperuntukkan belanjawan khas bagi pemulihan koridor ekologi yang terputus. Selain itu, pelaksanaan sistem amaran awal, penandaan kawasan berisiko tinggi serta program pendidikan awam perlu dipertingkatkan untuk melibatkan masyarakat dalam usaha bersama ini.

Langkah ini penting untuk memastikan kelangsungan biodiversiti negara, keselamatan pengguna jalan raya dan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan ekologi yang tidak ternilai."

**[ Menteri Kerja Raya ]**

13. PR-1542-U(27)414

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkasakan polisi sedia ada dan tanda aras yang jelas untuk menilai kecekapan tenaga pengajar dan penyediaan akses pendidikan seperti contoh bilik multisensori bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

Baru-baru ini seramai 4,886 murid MBPK dari 841 sekolah di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi sesi akademik 2024/2025 dengan jayanya. Statistik MBPK juga menunjukkan tanda peningkatan 31% dari 88,419 sejak 2019 kepada 116,044 (2023).

Namun, timbulnya kegusaran akan keberkesanan Zero Reject Policy (ZRP) dan bagaimanakah MBPK menyesuaikan diri bermula dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah seterusnya persediaan kebolehpasaran mereka apabila tamat persekolahan nanti.

Adalah diharap agar penyesuaian mereka di dalam sektor pendidikan bersifat terangkum dan bukanlah satu beban untuk tenaga pengajar kerana mereka ini bakal mencorak potensi tersendiri dan menyumbang nilai ekonomi untuk negara kita juga nanti."

**[ Menteri Pendidikan ]**

## 14. PR-1542-U(27)406

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang lebih holistik dan mendalam bagi mewujudkan badan pemantau pelan perancangan jangka panjang keterjaminan makanan bagi negara.

Kebelakangan ini, kita telah didengarkan dengan skop peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bagi meningkatkan lagi pendapatan bagi negara. Antara barangan yang terlibat dalam peluasan skop cukai SST pada Julai ini adalah termasuk juga dengan makanan yang diimport.

Dalam keadaan negara kita yang masih mempunyai kadar kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan bagi memenuhi permintaan domestik, maka peluasan skop SST ini amat merisaukan rakyat.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik dan efisien bagi membantu dalam memastikan agar negara kita mampu untuk mengurangkan kadar kebergantungan terhadap import makanan. Negara kita yang sentiasa kaya dengan pelbagai sumber alam perlu dimanfaatkan sebaiknya dan dikembangkan bagi memenuhi permintaan domestik."

**[ Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan ]**

## 15. PR-1542-U(27)408

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan pendekatan yang lebih strategik dan serius dalam menambah baik infrastruktur jalan raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi kemalangan.

Sejak kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan peristiwa hitam yang membabitkan pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kemalangan hitam ini telah membuka mata pelbagai pihak terutama dari segi kebimbangan terhadap keselamatan jalan raya itu sendiri. Pelbagai persoalan yang timbul terutama segi penyediaan lampu limpah jalan raya yang mencukupi, keadaan permukaan jalan raya, dan penghadang jalan raya yang diibaratkan seperti 'pisau pencukur' di jalan raya.

Dalam keadaan negara kita dikejutkan dengan peristiwa yang pahit ini, penambahbaikan jalan raya yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi kemalangan jalan raya harus diambil tindakan dengan segera. Hal ini bagi memastikan jalan raya yang menjadi laluan utama masyarakat berada dalam keadaan selamat dan mengurangkan pelbagai risiko yang tidak diingini daripada berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih serius dan efisien dalam mengatasi isu jalan raya yang berisiko tinggi berlaku kemalangan ini agar negara kita mampu menyediakan kemudahan kelengkapan jalan raya yang selaras dengan membangunnnya pembangunan dalam negara kita."

**[ Menteri Kerja Raya ]**

16. PR-1542-U(27)415

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1542-U(27)416

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani pantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkukuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

18. PR-1542-U(27)417

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perencanaan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*). Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan ]**

19. PR-1542-U(27)418

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan ]**

20. PR-1542-U(27)419

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaikpulihan dan dinaiktaraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

## 21. PR-1542-U(27)420

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Ekonomi ]**

## 22. PR-1542-U(27)421

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1542-U(27)422

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak ‘pro’ Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada ‘pro’ Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Komunikasi ]**

24. PR-1542-U(27)423

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuat kuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya '*Free Flow*' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

25. PR-1542-U(27)424

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ]**

26. PR-1542-U(27)425

**Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim [Arau]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri, Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

27. PR-1542-U(27)426

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada Negeri Terengganu dan Negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan Negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Memohon pihak kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

28. PR-1542-U(27)427

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

29. PR-1542-U(27)428

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali, yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing, terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 batu nautika dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (lebih 1080 batu nautika).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China menuntut sebahagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan *dash* yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permahan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon Kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya dimana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia sepertimana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertahanan ]**

30. PR-1542-U(27)429

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas. Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun telaga mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

31. PR-1542-U(27)430

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbang pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Berpendapat bahawa jalan sempadan Malaysia-Indonesia yang baik akan meningkatkan aksesibiliti antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Diingikatkan dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik, termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia-Indonesia juga berpotensi memperkukuhkan hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

32. PR-1542-U(27)431

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan meneliti semula proses pemilihan pasar raya rakan kongsi dalam program MyKasih/E-Kasih agar lebih inklusif dan menyeluruh, terutamanya dengan melibatkan lebih banyak pasar raya kecil, kedai runcit tempatan, serta koperasi di kawasan luar bandar. Keutamaan perlu diberikan kepada aspek capaian komuniti setempat, termasuk kepadatan penduduk dan jarak ke pasar raya supaya penerima bantuan tidak terbeban dengan keperluan bergerak jauh untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Langkah ini penting bagi memastikan tiada golongan rentan, terutama warga emas dan mereka yang kurang celik digital, tercicir daripada menerima manfaat bantuan Kerajaan akibat kekangan lokasi atau teknologi.

Selain itu, Kerajaan disarankan memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mempermudah penggunaan sistem bantuan, seperti menyediakan modul latihan, bengkel dan bantuan teknikal khusus kepada golongan warga emas dan penerima kurang celik digital. Sokongan di lokasi pembelian melalui bantuan juruwang atau sukarelawan komuniti juga perlu dipertingkatkan, selain mempertimbangkan alternatif manual seperti bantuan tunai atau baucar fizikal bagi mereka yang benar-benar tidak mampu menggunakan sistem digital. Pemantauan dan penilaian berkala oleh badan bebas wajar dilaksanakan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program serta memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara."

**[ Menteri Kewangan ]**

33. PR-1542-U(27)432

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan menyemak keputusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara mengklasifikasikan laporan polis balu Tun Daim Zainuddin sebagai 'Tiada Tindakan Lanjut' (NFA) menimbulkan persoalan besar terhadap ketelusan dan akauntabiliti institusi keadilan negara, terutamanya apabila laporan tersebut berpaksikan dakwaan serius media antarabangsa seperti Bloomberg mengenai kemungkinan wujudnya campur tangan politik, penyalahgunaan kuasa dan konspirasi tertinggi dalam siasatan SPRM terhadap Tun Daim dan Tun Dr. Mahathir. Ketiadaan penjelasan terperinci mengenai asas keputusan NFA, langkah siasatan yang telah diambil, serta status dakwaan yang dikemukakan oleh Bloomberg menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat dan menuntut penjelasan rasmi kerajaan.

Sehubungan itu, Kerajaan digesa memberikan penjelasan menyeluruh berhubung asas undang-undang dan rasional keputusan NFA, termasuk sama ada pendedahan Bloomberg telah disiasat secara profesional atau diabaikan atas sebab tertentu. Mekanisme pemantauan bebas seperti Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) perlu diperkukuh bagi memastikan semua laporan polis berprofil tinggi disiasat secara telus, manakala jaminan bahawa tiada campur tangan politik dalam proses siasatan dan pendakwaan harus diperjelaskan demi menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang serta keyakinan rakyat terhadap integriti sistem keadilan negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

34. PR-1542-U(27)433

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan memberikan penjelasan terperinci berhubung keputusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Peguam Negara mengklasifikasikan laporan polis oleh balu Tun Daim Zainuddin sebagai 'Tiada Tindakan Lanjut' (NFA), meskipun laporan tersebut berpaksikan pendedahan serius Bloomberg mengenai dakwaan campur tangan politik dan penyalahgunaan kuasa dalam siasatan SPRM terhadap beberapa tokoh negara, menimbulkan persoalan besar terhadap ketelusan dan integriti institusi keadilan negara. Ketiadaan penjelasan terperinci mengenai asas keputusan NFA serta status siasatan terhadap pendedahan media antarabangsa tersebut menimbulkan persepsi bahawa isu berprofil tinggi ini mungkin telah diabaikan atau dianggap tidak berasas tanpa justifikasi rasmi kepada masyarakat.

Sehubungan itu, Kerajaan wajar memberikan penjelasan menyeluruh mengenai rasional dan asas undang-undang di sebalik keputusan NFA tersebut, termasuk sama ada pendedahan Bloomberg telah disiasat secara profesional, dianggap fitnah, atau diabaikan atas sebab tertentu. Langkah ini penting bagi memastikan keyakinan rakyat terhadap ketelusan, akauntabiliti, dan kedaulatan undang-undang sentiasa terpelihara, serta mengelakkan sebarang persepsi negatif terhadap integriti sistem keadilan negara dalam menangani kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan kepentingan awam."

**[ Perdana Menteri ]**

35. PR-1542-U(27)434

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan meneliti dan melaksanakan pelbagai mekanisme pemantauan terhadap pemandu dan syarikat bas, termasuk pemeriksaan berkala di terminal utama, saringan ujian urin, serta audit teknikal dan pematuhan lesen. Syarikat bas juga diwajibkan mengaktifkan sistem pengesanan GPS pada setiap kenderaan sebagai langkah pemantauan berterusan, di samping penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Namun, kelemahan ketara sebelum ini adalah ketiadaan integrasi sistem rekod kesalahan pemandu, menyebabkan individu yang mempunyai rekod lampau masih boleh diambil bekerja oleh syarikat lain tanpa pemantauan efektif. Insiden kemalangan tragik melibatkan pelajar UPSI di Gerik baru-baru ini menyerlahkan keperluan penambahbaikan segera dalam aspek ini.

Sebagai respons, Kerajaan kini dalam proses membangunkan pangkalan data bersepadu melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk merekod dan menyenarai hitam pemandu bas yang bermasalah, sekali gus membolehkan syarikat menyemak latar belakang pemandu sebelum pengambilan. Selain itu, tindakan tegas seperti pembatalan lesen syarikat dan penggantungan lesen pemandu yang melanggar syarat atau gagal ujian saringan juga diperkukuh. Walau bagaimanapun, keberkesanan mekanisme ini masih bergantung kepada pelaksanaan konsisten, penggunaan data secara proaktif, serta tindakan penguatkuasaan yang tegas sebelum tragedi berlaku, agar keselamatan pengguna pengangkutan awam sentiasa terjamin. "

### **[ Menteri Pengangkutan ]**

36. PR-1542-U(27)435

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan menilai semula pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas barangan import tertentu serta penarikan subsidi ke atas lebih 40 barangan asas telah menimbulkan persoalan besar dalam kalangan rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 yang semakin tertekan dengan kenaikan harga barangan keperluan harian. Tindakan Kerajaan mengecualikan beberapa barangan import seperti limau, kurma, epal dan oren daripada SST mulai 1 Julai 2025, sedangkan buah-buahan import lain seperti anggur, avocado, mangga dan pisang masih dikenakan cukai, menimbulkan persepsi bahawa dasar pengecualian ini bersifat selektif dan tidak menyeluruh. Pada masa sama, penarikan subsidi tanpa langkah mitigasi yang jelas meningkatkan beban kos sara hidup kerana pendapatan isi rumah tidak berkembang seiring dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan asas.

Sehubungan itu, Kerajaan perlu memberikan penjelasan terperinci mengenai asas dan kriteria pengecualian SST ke atas barangan import tertentu serta justifikasi penarikan subsidi ke atas barangan asas. Penjelasan ini harus merangkumi langkah-langkah mitigasi bagi melindungi golongan rentan daripada kesan negatif dasar fiskal tersebut. Selain itu, suara petani perlu diangkat secara bermakna dalam penetapan harga minimum padi melalui mekanisme libat urus yang inklusif, agar keputusan dasar benar-benar mencerminkan realiti kos pengeluaran dan kepentingan pesawah. Komitmen Kerajaan untuk mempertingkatkan ketelusan, keadilan dan keseimbangan dalam semua dasar berkaitan cukai, subsidi dan harga hasil pertanian adalah penting demi memastikan kesejahteraan rakyat serta kelangsungan hidup."

### **[ Menteri Kewangan ]**

37. PR-1542-U(27)436

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjamin bahawa kepentingan pelajar Malaysia mesti sentiasa diberi keutamaan dalam dasar kemasukan ke Universiti Awam (UA) dengan menetapkan sasaran tahunan peningkatan bilangan tempat bersubsidi melalui saluran Unit Pengambilan Universiti (UPU), memastikan UA menerima dana yang mencukupi serta menggantung segera pelaksanaan dasar Saluran Terbuka sehingga satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan kekurangan dana UA, kesan dasar Saluran Terbuka terhadap prinsip meritokrasi, ketelusan dan keadilan sosial dalam sistem pendidikan tinggi negara.

Sejak dasar Saluran Terbuka diperkenalkan dan diperluas, semakin ramai pelajar tempatan cemerlang, khususnya lepasan STPM, matrikulasi dan asasi, ditolak permohonan mereka untuk memasuki kursus kritikal seperti perubatan, farmasi, pergigian dan undang-undang melalui UPU.

Sebaliknya, mereka hanya ditawarkan tempat melalui Saluran Terbuka yang mengenakan yuran jauh lebih tinggi tanpa sistem rayuan yang telus dan dalam sesetengah kes, hanya diberikan tempoh singkat untuk membuat keputusan serta merta apabila ditolak rayuan. Keadaan ini mencetuskan tekanan kewangan yang besar kepada keluarga B40 dan M40, sekaligus menafikan peluang anak-anak cemerlang untuk mendapatkan tempat di UA yang sepatutnya diwujudkan untuk mereka.

Pihak UA juga mendakwa bahawa mereka mengalami masalah kekurangan dana yang diterima daripada Kerajaan untuk menampung perbelanjaan, sehingga mempengaruhi UA untuk semakin mengutamakan Saluran Terbuka bagi menjana pendapatan. UA yang dibiayai dengan dana awam seharusnya mengutamakan kemasukan pelajar Malaysia yang layak, bukan menggantikan tempat bersubsidi dengan laluan komersial demi kelangsungan kewangan UA.

Jika Saluran Terbuka terus berkembang tanpa had dan tanpa keutamaan kepada saluran UPU, kita akan menyaksikan satu bentuk penswastaan senyap ke atas pendidikan tinggi awam yang menghakis fungsi asal UA sebagai pemangkin mobiliti sosial dan akses saksama kepada Pendidikan.

Oleh itu, Dewan ini menuntut supaya dasar Saluran Terbuka digantung serta-merta sehingga satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ditubuhkan untuk menyiasat sama ada pelaksanaannya telah menjejaskan prinsip merit, ketelusan pengambilan dan keutamaan kepada pelajar Malaysia.

Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Parlimen data lengkap mengenai jumlah tempat yang ditawarkan melalui UPU dan Saluran Terbuka sejak dasar ini dimulakan, termasuk pecahan mengikut kursus, kelayakan akademik dan latar belakang sosioekonomi. Hanya dengan dasar yang telus, terpisah dengan jelas dan diawasi secara berkala, keyakinan rakyat terhadap sistem pendidikan tinggi awam dapat dipulihkan dan dilindungi secara adil untuk generasi akan datang."

**[ Menteri Pendidikan Tinggi ]**

38. PR-1542-U(27)437

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menyemak semula pelaksanaan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) mulai 1 Julai 2025, termasuk menilai semula kategori perkhidmatan yang tertakluk, menetapkan klasifikasi secara telus dan menghapuskan kesan cukai bertindih (*cascading tax*) yang membebankan pengguna serta mengganggu kelangsungan operasi pelbagai sektor ekonomi.

Pengenaan Cukai Perkhidmatan ke atas sektor pembinaan, penyewaan, perkhidmatan logistik dan perkhidmatan import secara serentak telah mencetuskan kekeliruan besar dalam kalangan pengusaha, pelabur dan pengguna. Ketidaktentuan dari segi takrif perkhidmatan bercukai, ambang ambilan cukai dan kaedah pematuhan telah menyebabkan pentafsiran yang berbeza-beza antara penguat kuasa, dan menjejaskan daya saing serta kos operasi, terutamanya dalam projek pembangunan jangka panjang dan transaksi rentas sempadan.

Walaupun kerajaan baru-baru ini meningkatkan ambang cukai daripada RM500,000 kepada RM1 juta bagi perkhidmatan penyewaan dan perkhidmatan kewangan serta mengecualikan beberapa kategori seperti perkhidmatan kecantikan, langkah ini bersifat ad-hoc dan hanya mengesahkan bahawa dasar asal dilaksanakan tanpa kajian mendalam terhadap kesan rantaian cukai ke atas harga perkhidmatan dan kos sara hidup. Tiada penjelasan diberikan terhadap impak sistemik ke atas perkhidmatan profesional dalam projek kediaman, kontrak pembinaan berperingkat atau penyewaan yang melibatkan pemilik bersama.

Lebih penting, sistem SST secara asasnya tidak menyediakan mekanisme pelarasan cukai input, berbeza dengan sistem GST yang membolehkan tuntutan input tax credit dan sekali gus mengelakkan cukai bertindih. Di bawah SST, pengguna akhir terpaksa menanggung kesan berlapis apabila perkhidmatan bercukai dikenakan berkali-kali sepanjang rantaian penyampaian. Keadaan ini bukan sahaja membebankan pengguna tetapi juga menggalakkan pematuhan secara minimum atau elakan cukai, kerana kerangka cukai tidak selaras dengan realiti operasi industri.

Maka, Dewan ini menuntut supaya Kerajaan segera menilai semula keberkesanan pelaksanaan Cukai Perkhidmatan yang diperluas ini, dengan penglibatan aktif industri dan dewan perniagaan. Kerajaan juga perlu membentangkan laporan impak penuh terhadap pelaksanaan dasar ini kepada Parlimen sebelum sebarang peluasan lanjut dibuat. Sekiranya objektif Kerajaan adalah untuk mewujudkan sistem percukaian yang lebih adil, telus dan mesra perniagaan, maka sudah sampai masanya untuk Kerajaan secara serius mempertimbangkan semula pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang lebih menyeluruh dan telus dari segi struktur. "

**[ Menteri Kewangan ]**

39. PR-1542-U(27)438

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera memperjelas garis masa, skop pelaksanaan dan status kesediaan sistem e-Invois oleh LHDN, serta memastikan semua keputusan berhubung pelaksanaan dasar ini diselaraskan secara telus, sah dari sudut undang-undang dan berasaskan data yang dikemaskini serta dikomunikasikan secara konsisten kepada pembayar cukai dan pihak industri.

Pelaksanaan e-Invois melalui sistem MyInvois telah menimbulkan pelbagai kekeliruan teknikal dan dasar, khususnya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perunding cukai. Garis panduan rasmi menyatakan bahawa pelaksanaan bergantung kepada ambang pendapatan berdasarkan penyata kewangan 2022, namun di lapangan wujud tafsiran bercanggah di antara pegawai LHDN yang mengarahkan syarikat untuk menggunakan angka tahun 2023. Terdapat aduan bahawa sekurang-kurangnya tiga tafsiran berbeza sedang digunakan serentak, menyebabkan ketidaktentuan undang-undang dan risiko penalti yang tidak wajar terhadap pembayar cukai yang patuh.

Dalam masa yang sama, pelbagai syarikat telah membuat pelaburan besar dalam penyediaan sistem, latihan dan integrasi berdasarkan garis masa asal, hanya untuk mendapati bahawa ambang pendapatan untuk pelaksanaan telah dinaikkan dari RM500,000 kepada RM5 juta tanpa sebarang bentuk pampasan atau pelan penyesuaian yang sewajarnya. Ini menyebabkan kerugian atau sunk cost kepada banyak PKS dan menimbulkan persepsi bahawa dasar ini dilaksanakan secara tergesa-gesa, tidak diuji sepenuhnya dan berubah-ubah mengikut tekanan awam.

Lebih membimbangkan, platform MyInvois yang sepatutnya memproses invois dalam masa dua saat masih belum berfungsi secara stabil, dengan ujian dalam persekitaran "sandbox" mencatatkan kelewatan antara 30 saat hingga lebih satu minit. Sehingga kini, tiada laporan rasmi audit bebas terhadap prestasi teknikal sistem ini telah diterbitkan kepada umum.

Dewan ini menuntut agar Kerajaan mengemukakan laporan penuh kepada Parlimen berhubung status kesediaan dan pelaksanaan MyInvois serta mekanisme rayuan atau pengecualian yang tersedia untuk pembayar cukai. Tambahan itu, Kerajaan wajar mempertimbangkan semula pendekatan jangka panjang terhadap reformasi cukai dan mengkaji kemungkinan kembali kepada sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang lebih menyeluruh, telus dan stabil, berbanding sistem semasa yang tidak konsisten dan membebankan dari segi pematuhan."

**[ Menteri Kewangan ]**

40. PR-1542-U(27)439

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menyemak semula struktur pelepasan cukai pendapatan individu yang sedia ada, termasuk menaikkan had pelepasan utama seperti pelepasan diri, pasangan, ibu bapa dan insurans hayat agar sejajar dengan peningkatan kos sara hidup serta memperkenalkan mekanisme semakan tetap atau indeksasi berasaskan inflasi untuk menjamin keadilan cukai kepada pembayar cukai berpendapatan sederhana dan rendah.

Pelepasan cukai pendapatan yang digunakan hari ini sebahagian besarnya telah kekal tidak berubah sejak lebih 15 tahun lalu, walaupun kos sara hidup meningkat secara ketara saban tahun. Sebagai contoh, pelepasan diri sebanyak RM9,000 diperkenalkan ketika kuasa beli masih tinggi tetapi jika mengambil kira kadar inflasi purata tahunan antara 2.5 hingga 3 peratus, jumlah tersebut sepatutnya bernilai sekurang-kurangnya RM13,000 hingga RM14,000 hari ini untuk memberi kesan yang setara. Namun, Kerajaan masih menggunakan angka asal tanpa sebarang pelarasan atau semakan berkala.

Tambahan pula had pelepasan untuk caruman KWSP dan premium insurans hayat kini dibezakan dan tidak digabungkan sebagai satu pelepasan, dan struktur ini memberi kesan tidak seimbang kepada individu yang tidak mencarum KWSP tetapi memiliki polisi insurans peribadi kerana mereka tetap terhad kepada maksimum RM3,000 sahaja tanpa ruang tambahan untuk manfaat insurans penuh.

Kegagalan mengemaskini struktur pelepasan ini menyebabkan golongan M40 dan sebahagian besar B40 bandar terpaksa membayar cukai atas pendapatan boleh belanja yang semakin sempit. Malah, apabila Kerajaan menambah hasil melalui peluasan SST, pelaksanaan e-Invois dan penyasaran subsidi, beban tambahan kini turut dipikul oleh pembayar cukai individu tetapi tanpa sebarang pelarasan pelepasan untuk mencerminkan tekanan ekonomi sebenar.

Negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia telah memperkenalkan sama ada sistem pelepasan bersasar, pelarasan mengikut indeks inflasi atau had pelepasan yang lebih selaras dengan realiti semasa. Malaysia pula kekal statik dan ini menimbulkan persoalan tentang keadilan sistem percukaian terhadap kelas pekerja dan golongan berpendapatan sederhana.

Oleh itu, Dewan ini menuntut agar Kerajaan melaksanakan semakan menyeluruh terhadap semua pelepasan cukai individu, memperkenalkan had baharu yang lebih mencerminkan tekanan kewangan sebenar rakyat serta menggubal mekanisme semakan tetap atau indeksasi berkala agar beban cukai tidak terus meningkat secara senyap melalui keusangan struktur pelepasan."

### **[ Menteri Kewangan ]**

41. PR-1542-U(27)440

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 bagi memperluaskan skop pemakaian undang-undang tersebut kepada agensi-agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan Kerajaan yang memproses data peribadi rakyat, serta menetapkan prinsip perundangan yang menjamin hak persetujuan nyata, akses, pembetulan dan pemadaman data secara telus dengan akauntabiliti.

Pindaan ini menjadi keperluan mendesak susulan arahan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kepada syarikat telekomunikasi agar menyerahkan data telefon bimbit rakyat secara besar-besaran tanpa persetujuan individu, tanpa ketelusan dan tanpa peruntukan undang-undang yang khusus. Oleh kerana Akta PDPA sedia ada tidak terpakai kepada agensi Kerajaan, tiada perlindungan berkesan terhadap penyalahgunaan data awam dan tiada saluran semakan bebas yang tersedia untuk rakyat mempertahankan hak mereka.

Malaysia ketinggalan berbanding negara serantau seperti Singapura, Korea Selatan dan negara dalam Kesatuan Eropah yang telah menetapkan standard perlindungan data yang tinggi termasuk terhadap pengumpulan data oleh Kerajaan. Jika Malaysia ingin membina keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi digital, undang-undang perlindungan data mesti dikukuhkan seiring dengan prinsip kebebasan individu dan hak privasi yang termaktub dalam masyarakat demokratik.

Sehubungan itu, pindaan kepada Akta PDPA perlu disertai dengan penubuhan badan penyelia bebas untuk menjalankan audit tahunan ke atas sistem data Kerajaan, memproses aduan, dan melaporkan secara berkala kepada Parlimen. Langkah ini penting untuk memastikan pengurusan data oleh Kerajaan dilaksanakan secara sah, terhad, telus dan dihormati sebagai amanah rakyat, bukan alat pentadbiran tanpa kawalan. "

**[ Menteri Komunikasi ]**

42. PR-1542-U(27)441

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menggantung pelaksanaan Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA) sehingga satu proses semakan menyeluruh dijalankan ke atas ambang persetujuan yang ditetapkan, mekanisme perlindungan kepada pemilik minoriti serta keselarasan antara dasar pembangunan semula dengan pelan fizikal bandar yang ditadbir oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pelaksanaan URA telah menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan pemilik hartanah strata, khususnya golongan B40 dan M40 yang menghuni pangsapuri lama dan unit kos rendah. Salah satu isu paling kontroversi ialah kadar ambang persetujuan yang ditetapkan iaitu 75% bagi bangunan melebihi 30 tahun dan 80% bagi bangunan bawah 30 tahun dan ini satu perubahan besar daripada keperluan sedia ada yang menetapkan 100% persetujuan untuk sebarang pembangunan semula. Ini menimbulkan persoalan sama ada pemilik minoriti yang tidak bersetuju boleh dilucutkan hak milik mereka walaupun secara sah masih memiliki unit masing-masing.

Lebih membimbangkan, pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata juga dikatakan bakal membolehkan pemindahan hak milik secara automatik kepada pemaju jika ambang dicapai. Dalam ketiadaan mekanisme rayuan, semakan kehakiman yang mudah diakses dan sokongan undang-undang kepada pemilik minoriti, dasar ini boleh dimanipulasi dan digunakan untuk menekan pemilik kecil yang tidak mempunyai keupayaan perundangan untuk mempertahankan hak mereka.

Isu ini turut menyentuh keselarasan dasar antara agensi Kerajaan. URA berada di bawah KPKT, manakala pembangunan fizikal bandar seperti Kuala Lumpur ditadbir oleh DBKL di bawah Jabatan Perdana Menteri. Tiada penjelasan diberikan berhubung bagaimana keputusan pembangunan semula yang diluluskan melalui URA akan disepadukan dengan pelan struktur dan Rancangan Tempatan sedia ada. Ini menimbulkan risiko pertindihan atau percanggahan yang boleh menjejaskan infrastruktur awam dan menambah kesesakan tanpa pelan mitigasi yang jelas.

Oleh itu, Dewan ini menuntut agar pelaksanaan URA ditangguhkan serta-merta dan satu proses libat urus menyeluruh diadakan melibatkan pemilik strata, badan pengurusan bangunan, PBT dan peguam hartanah. Kerajaan juga perlu menyemak kembali semua pindaan terhadap Akta Hakmilik Strata yang berkaitan dan memastikan tidak berlaku penghakisan hak pemilikan sah rakyat atas nama pembangunan semula. Apa-apa reformasi undang-undang yang memberi kesan kepada ribuan rakyat biasa mestilah bermula dengan prinsip perlindungan bukan paksaan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

43. PR-1542-U(27)442

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menguatkuasakan Kod Amalan Industri untuk Keselamatan Pengangkutan (ICOP) secara mandatori terhadap semua pengendali kenderaan perdagangan berat dan melaksanakan reformasi terhadap sistem Lesen Vokasional (VDL) termasuk memperkenalkan sistem penilaian berperingkat dan pembaharuan bersyarat mengikut rekod keselamatan dan kesihatan pemandu.

Kemalangan maut yang melibatkan kenderaan berat semakin kerap berlaku, termasuk insiden baru-baru ini yang meragut nyawa pelajar UPSI dan anggota pasukan FRU. Laporan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) mendedahkan bahawa tahap pematuhan ICOP oleh pengendali lori hanyalah sekitar 32%, yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pemain industri tidak mematuhi garis panduan keselamatan minimum yang telah ditetapkan. Penguatkuasaan terhadap ICOP ketika ini tidak bersifat menyeluruh dan bergantung kepada pemantauan sukarela atau laporan aduan.

Sistem Lesen Vokasional (VDL) juga menunjukkan kelemahan ketara apabila proses pembaharuan lesen dilakukan secara automatik tanpa semakan menyeluruh terhadap kesihatan, rekod kesalahan trafik dan kelayakan semasa pemandu. Dalam banyak kes, pemandu kenderaan berat yang mempunyai sejarah kemalangan atau kegagalan teknikal masih dibenarkan membawa kenderaan bersaiz besar dan berisiko tinggi di jalan raya utama negara. Ketiadaan sistem mata demerit khusus untuk pemandu vokasional mengurangkan aspek pencegahan terhadap kecuaian berulang.

Sehubungan itu, ICOP perlu diangkat sebagai piawaian wajib dalam pelesenan dan pengauditan pengendali kenderaan perdagangan berat dengan penguatkuasaan yang ketat dan berkala oleh agensi berkaitan termasuk JPJ dan PUSPAKOM. Lesen VDL pula perlu diperbaharui secara bersyarat mengikut sistem penilaian yang mengambil kira kesihatan fizikal dan mental pemandu, rekod disiplin serta kehadiran latihan semula secara berkala. Langkah ini adalah kritikal untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan mengelakkan tragedi yang berulang."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

| <b><u>TAHUN<br/>2025</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>                                                                                                                                                                                                               | <b><u>TARIKH<br/>DIBENTANGKAN</u></b> |
|------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| CMD. 7                       | Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Bagi Tahun 2024                                                                                                                                                          | 28 Julai 2025                         |
| DR. 10                       | Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) terhadap Tindakan Susulan Kementerian Dalam Negeri bagi Syor-Syor Penyata PAC Parlimen berhubung Perolehan Sistem <i>Foreign Workers Centralized Management System</i> (FWCMS) (DR.4/2025) | 28 Julai 2025                         |
| ST. 68                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2023                                                                                                                                                    | 28 Julai 2025                         |
| ST. 71                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2023                                                                                                                                         | 28 Julai 2025                         |
| ST. 74                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2023                                                                                                                                            | 28 Julai 2025                         |
| ST. 95                       | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) Bagi Tahun 2023                                                                                                                                                | 28 Julai 2025                         |

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

| <b>Ahli Yang Berucap</b>                            | <b>Tajuk Ucapan</b>                                                                                                                                                                                                           | <b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>                                                                                                        |
|-----------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| YB Dato' Sri Dr.<br>Wee Jeck Seng<br>(Tanjung Piai) | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu Mengenai Peniaga Warga Asing di Sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur.</li> <li>2. Isu Mengenai Projek Jalan Pintas Jalan Sawah (J133), Pontian ke Jalan Ulu Choh (J7).</li> </ol>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri</li> <li>2. YB Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah</li> </ol> |
| YB Tuan Haji<br>Kamal bin Ashaari<br>(Kuala Krau)   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan Agar Jejantas Merentasi Laluan Rel Keretapi di Kampung Paya Sok Dapat Dibina.</li> <li>2. Perkembangan Terkini Projek Menaiktaraf Stesen Keretapi Kuala Krau.</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah</li> <li>2. YB Menteri Pengangkutan</li> </ol>               |

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**